



15 AUG, 2025

Perkasa ilmu pemasaran berdasarkan teknologi

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Perkasa ilmu pemasaran berdasarkan teknologi

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) baru-baru ini bekerjasama dengan Shopee Malaysia dalam menganjurkan Agromarketing Masterclass Shopee Edition.

Program khas bagi memperkasa usahawan agromakanan tempatan dengan kemahiran pemasaran digital, berlangsung di Ibu Pejabat Shopee, Mid Valley City di sini, pada 26 dan 27 Julai itu.

Ia membabitkan 100 usa-

hawan berdaftar di bawah FAMA terdiri daripada pengusaha produk segar dan berproses.

FAMA dalam kenyataannya berkata, kerjasama itu turut menyokong aspirasi Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13) dan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Ia khususnya dalam memacu transformasi digital sektor agromakanan serta memperluas peluang pasaran kepada pengeluar tempatan melalui platform e-dagang.

“FAMA yakin pendekatan ini akan menjadikan usahawan agromakanan negara lebih bersedia menghadapi cabaran pasaran digital yang dinamik dan mewujudkan laluan ke arah pembusan pasaran antarabangsa, terutamanya melalui platform e-dagang ber-skala besar seperti Shopee,” menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, Pengarah Kanan Bahagian Keusahawanan Pemasar FAMA Siti Nurul Haida Ibrahim dalam kenyataan sama ber-

kata, program itu memberi tumpuan kepada pemerkaanan ilmu pemasaran berdasarkan teknologi, pengrusaan platform e-dagang dan penghasilan kandungan promosi yang mampu menarik pelanggan sa-saran.

“Sebanyak 400 produk agromakanan, merangku-mi pelbagai jenis unit pe-nyimpanan stok (SKU) ber-jaya disenaraikan di pla-form Shopee sepanjang pelaksanaan program ini,” katanya.



15 AUG, 2025

Perkasa ilmu pemasaran berdasarkan teknologi

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Lembaag a Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) baru-baru ini bekerjasama dengan Shopee Malaysia dalam menganjurkan Agromarketing Masterclass Shopee Edition. Program khas bagi memperkasa usahawan agromakanan tempatan dengan kemahiran pemasaran digital, berlangsung di Ibu Pejabat Shopee, Mid Valley City di sini, pada 26 dan 27 Julai itu la membabitkan 100 usahawan

berdaftar di bawah FAMA terdiri daripada pengusaha produk segar dan berproses .